

TERJEMAHAN UCAPAN

YANG BERTHORMAT

DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI
BINTI POKSDSP HJ MOHD SALLEH

PEGUAM NEGARA

PADA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG

SABTU, 8 MAC 2014

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Pagi

Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syar'ie, Yang Arif Hakim-Hakim, Presiden Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Para Peguam, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Pada 15hb Mac, 1984, semasa pembukaan rasmi bangunan yang bersejarah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah dan saya memetik Titah Baginda seperti berikut:

"Beta akan berusaha dengan tidak kendur-kedur sejauh mana yang terupaya untuk memastikan yang kuatkuasa undang-undang sentiasa terpelihara dan pentadbiran keadilan yang saksama lagi bebas senantiasa terjaga. Insya Allah, dengan cara demikian, Negara Brunei Darussalam akan terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni untuk kebajikan yang berkekalan rakyat dan penduduknya."

Alhamdulillah, kita berkumpul di sini di dalam bangunan yang sama hampir 30 tahun kemudian. Kebanyakan kita yang hadir di sini terlibat dalam pentadbiran keadilan yang dikepalai oleh Jabatan Kehakiman, dengan tujuan yang sama, untuk melaksanakan keadilan dan perkhidmatan yang adil dan efisien kepada orang ramai dengan profesionalisme dan integriti yang diharapkan daripada kita semua.

Pada pelaksanaan (secara berperingkat) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Bahagian Keadilan Jenayah Pejabat Peguam Negara akan memberi kepakaran kepada Unit Pendakwaan Syariah. Unit Pendakwaan Syariah telah membuat penempatan di Bahagian Keadilan Jenayah untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran mereka dalam pendakwaan asas. Pejabat Peguam Negara juga terlibat dalam perbincangan dan penggubalan Kanun Peraturan Jenayah Syariah.

Tahniah/penghargaan

1. Saya ingin memulakan ucapan saya pada hari ini dengan mengucapkan selamat dan tahniah atas pelantikan Yang Arif Pg Hj Rostainah Pg Hj Duraman, Ketua Pendaftar sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dan Yang Arif Hakim Hj Abdullah Soefri Pehin Orang Kaya Saiful Muluk DP Hj Abidin sebagai Hakim Mahkamah Perantaraan. Kita juga mengalu-alukan lantikan Majistret/Pendaftar tambahan. Penambahan yang sangat

diperlukan ini tidak diragukan lagi akan memudahkan kes-kes dibicarakan dengan lebih cepat.

2. Kita juga mengucapkan tahniah kepada Awg Hj Mohd Rozaiman DP Hj Abd Rahman, Presiden Persatuan Undang-Undang bagi tahun 2014 – 2016 dan ahli-ahli Majlis.

3. Kita menyanjung usaha Persatuan Undang-Undang yang patut dipuji atas inisiatif mereka termasuk klinik undang-undang secara sukarela. Kita berharap agar lebih ramai lagi ahli memberikan khidmat mereka walaupun saya sedar ada juga ahli-ahli yang menyumbangkan tenaga mereka kepada ahli-ahli persatuan yang kurang bernasib baik dengan pelbagai cara. Saya berharap Persatuan Undang-Undang sebagai satu-satunya institusi yang menjaga golongan peguam, akan memperkukuh *esprit de corps* mereka. Memandangkan Komuniti ASEAN 2015 dan TPP antara lainnya semakin dekat, liberisasi perkhidmatan undang-undang mungkin menjadi tidak dapat dielakkan.

Usaha kita ke arah penambahbaikan yang berterusan.

4. Dalam ucapan saya pada Pembukaan Tahun Undang-Undang yang lalu Yang Amat Arif mungkin ingat saya telah bercakap mengenai beberapa inisiatif yang dilancarkan oleh Pejabat Peguam Negara dalam usaha kita ke arah penambahbaikan yang berterusan. Saya ingin melaporkan sebahagiannya dan inisiatif

lain sejak diambil oleh Pejabat Peguam Negara. Pertama-tama, mengenai peranan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang. Peranan penasihat pegawai-pegawai saya mungkin kurang diketahui dan pegawai-pegawai yang kurang profilnya kebanyakannya berperanan di belakang tabir, dan ada kalanya di samping konsultan-konsultan yang diguna khidmat oleh Kementerian yang berkaitan dan tidak sentiasa mendapat penghargaan yang sepatutnya diberikan kepada mereka.

Bahagian Penggubalan Undang-Undang.

5. Saya gembira mengumumkan sebagai susulan kepada penerbitan Buku Panduan mengenai Arahan Penggubalan, Bahagian Penggubalan Undang-Undang dan Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang telah mengadakan satu siri taklimat mengenai Proses Memperbuat Undang-Undang kepada semua Jabatan Kerajaan, Kementerian dan badan berkanun.

6. Alhamdulillah, Bahagian Penggubalan Undang-Undang telah menerima maklum balas yang positif. Pejabat ini gembira pada mengetahui beberapa buah kementerian telah menyebarkan apa yang telah mereka pelajari itu kepada jabatan-jabatan di bawah Kementerian mereka, salah satu Kementerian itu ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pejabat Peguam Negara

sangat teruja dengan langkah positif tersebut.

7. Pada bulan Oktober tahun lepas Bahagian Penggubalan Undang-Undang telah menganjurkan Bengkel Penggubalan Undang-Undang yang dijalankan oleh seorang pakar dari Komanwel.

8. Dalam usaha untuk memastikan terjemahan bahasa Melayu bagi naskhah bahasa Inggeris undang-undang Negara Brunei Darussalam diterjemah mengikut konteks undang-undang dan konsisten keseluruhannya, Unit Penterjemahan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan kerja berkumpulan di kalangan mereka sendiri di bawah penyeliaan pegawai Penggubalan Undang-Undang. Ini bertujuan untuk mendorong penterjemah-penterjemah supaya lebih berkeyakinan dan untuk berbincang dan bertukar-tukar perkara yang mereka mempunyai kepentingan mengenai trend terbaru dalam penterjemahan.

9. Pejabat Peguam Negara melalui Unit Brulaw di bawah Bahagian Penggubalan Undang-Undang, Unit Perpustakaan Undang-Undang dan Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi, secara berterusan memuat naik penyiaran *Warta Kerajaan* ke dalam tapak web Pejabat Peguam Negara untuk membolehkan pihak-pihak yang berkepentingan mengakses Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Unit Penyemakan Undang-Undang

juga secara berterusan menyemak Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bagi memastikan versi terkini boleh didapatkan untuk memudahkan rujukan. Dari Januari 2013 hingga Januari 2014 bilangan Penggal yang telah disemak adalah 17 Akta dan bilangan undang-undang utama dan tambahan yang diluluskan dan diwartakan adalah 45.

Bahagian Sivil

10. Rujukan bagi urusan teras Bahagian Sivil dalam memberikan nasihat/menyemak dan menggubal kontrak bagi projek-projek Kerajaan, mendapatkan balik hutang Kerajaan walaupun kekurangan tenaga manusia, terus bertambah dalam bilangan dan kerumitannya. Dalam usaha untuk menjadi lebih proaktif dan efisien, Bahagian Sivil mengadakan beberapa sesi muzakarah dan taklimat berhubung dengan pengurusan kontrak dan pemungutan hutang yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dan kuasa menurut undang-undang. Baru-baru ini Bahagian Sivil dengan kerjasama Pusat Kebangsaan E-Kerajaan telah mengadakan sesi muzakarah dengan tujuan menerangkan tugas-tugas dan tanggungjawab Bahagian Sivil, untuk meningkatkan kesedaran tentang peri pentingnya pengurusan kontrak yang betul, untuk membolehkan EGNC dan Pejabat Peguam Negara membantu dengan lebih baik lagi klien-klien/jabatan-jabatan/kementerian-kementerian dalam memberi-

kan nasihat dan menggubal kontrak yang berkenaan dalam jangka masa yang munasabah dan untuk membantu agensi-agensi/jabatan memahami proses yang terlibat dalam menyediakan kontrak. Alhamdulillah Pejabat Peguam Negara telah menerima maklum balas yang menggalakkan daripada wakil-wakil yang hadir dalam muzakarah tersebut, dengan meminta supaya diadakan bengkel mengenai topik ini dan juga lebih banyak kesedaran disasarkan kepada pengurusan kanan.

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

11. Pada tahun lalu Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa terus membantu dalam menyediakan laporan negara, menghadiri mesyuarat dan memberikan nasihat mengenai isu undang-undang antarabangsa utama. Antara sorotan penting tersebut ialah:

- menjadi anggota kepada *taskforce* mekanisme penyelesaian pertikaian yang dipertingkatkan ASEAN
- memberi nasihat undang-undang dalam rundingan perjanjian perkongsian trans pasifik yang sedang berjalan
- perkembangan *Asean Single Window*
- kesertaan kepada triti
- keistimewaan dan kekebalan organisasi antarabangsa
- isu-su hak asasi manusia

- perjanjian perundingan dengan organisasi antarabangsa
- meneliti secara terperinci dari segi undang-undang yakni *legal scrubbing* instrumen undang-undang antarabangsa
- memberi nasihat mengenai instrumen ASEAN

12. Penambahan beban kerja Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa adalah bukti penonjolan Negara Brunei Darussalam yang bertambah dalam forum antarabangsa.

Acara Tahunan Di Antara Pejabat-Pejabat Peguam Negara bagi Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura (Tri-AGC) Ke-6

13. Pejabat Peguam Negara telah menganjurkan dengan jayanya Acara Tri-AGC ke-6 pada Oktober 2013. Yang Amat Arif yang telah merintis perhimpunan pegawai-pegawai daripada Pejabat-Pejabat Peguam Negara bagi Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura semasa Yang Amat Arif memegang jawatan Peguam Negara. Tema bagi acara tersebut adalah "Mengatasi cabaran baru dengan penyelesaian undang-undang yang inovatif". Acara ini menjadi wadah bagi pertukaran maklumat dan pengalaman di antara ketiga-tiga buah Pejabat, untuk memperkukuh ikatan yang sudah terjalin dan memupuk hubungan kerja yang rapat di antara ketiga-tiga buah Pejabat.

14. Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur atas usaha gigih mereka dan agensi-agensi yang berkaitan yang telah menyumbang kepada kejayaan Acara tersebut.

15. Untuk memperingati Acara tersebut, Pejabat Peguam Negara juga telah menerbitkan kumpulan kertas-kertas yang disampaikan dalam Acara Tahunan Pertama, Kedua dan Ketiga dan juga Laporan Pejabat Peguam Negara dari Ogos 2009 – Jun 2013. Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Editorial atas inisiatif itu.

Harta Intelek (IP)

16. Mengenai perkembangan lanjut IP, sukacita saya melaporkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pindaan kepada Perintah Hakcipta pada tahun 2013. Perintah ini menambah peruntukan-peruntukan penguatkuasaan kerana melanggar hak cipta dengan meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Hak Cipta, menambah kesalahan baru, memperkukuh kuasa agensi-agensi penguatkuasaan dan membenarkan pendakwaan persendirian dengan cara pemberian kuasa atau fiat oleh Pendakwa Raya.

17. Perintah Hak Cipta (Pindaan), 2013 adalah salah satu dari banyak inisiatif yang diambil oleh Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan perlindungan harta intelek. Pada bulan Mei 2013 Negara Brunei Darussalam telah dikeluarkan daripada Laporan Khas USTR 301. Ini tidak dapat dicapai tanpa penyelarasan sokongan daripada agensi-agensi yang berkaitan dan sokongan berterusan daripada Kerajaan.

18. Satu lagi peristiwa penting yang signifikan ialah penubuhan Pejabat Harta Intelek Brunei (Bru IPO) pada bulan Jun 2013. Penubuhan Bru IPO akan menjadi pemacu penting kepada ekonomi. Saya mengucapkan selamat berjaya kepada mereka pada masa depan dan Pejabat Peguam Negara akan terus memberikan sokongan jika diperlukan.

Teknologi Maklumat

19. Pejabat Peguam Negara dalam peringkat akhir akan mempunyai *customized file management application system* yang dirancang untuk memudahkan proses kerja dalaman dan membolehkan pengguna menjalankan tugas rutin dengan lebih cekap dan berkesan. Projek ini adalah 70% dalam peringkat pelaksanaannya. Jadual latihan bagi Pentadbir-Pentadbir, melatih pelatih dan latihan pengguna akhir dijangka dijalankan pada bulan ini. Mudah-mudahan selepas pelancaran dan penyempurnaan latihan tersebut sistem itu dapat dikendalikan

sepenuhnya oleh Pejabat Peguam Negara dan penilaian mengenai penggunaan sistem itu dalam waktu nyata boleh dibuat. Dalam hubungan ini saya menyeru semua pegawai dan kakitangan saya untuk menggunakan sepenuhnya sistem ini sebaik saja ia sedia dan sedang berjalan.

Perkembangan Modal Insan

20. Pejabat Peguam Negara sentiasa berusaha pada meningkatkan kualiti perkhidmatan undang-undang dan pendakwaan. Pejabat ini berazam untuk melakukan yang terbaik walaupun menghadapi cabaran berterusan termasuk pemindahan, perletakan jawatan pegawai-pegawai yang kebanyakannya tertarik dengan tawaran kerja di tempat lain yang lebih lumayan. Perkembangan sumber tenaga manusia adalah dengan yang demikian penting bagi Pejabat Peguam Negara. Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia Pejabat Peguam Negara dipengerusikan oleh Peguamcara Negara bersama-sama dengan semua Ketua Bahagian dan Pegawai Pentadbir Kanan sebagai ahli-ahlinya, memainkan peranan yang sangat penting. Saya percaya mereka dalam kedudukan terbaik menilai kandungan undang-undang latihan itu dan manfaat jangka masa pendek dan panjang kepada negara. Pejabat Peguam Negara dengan amat berbesar hati menghargai sokongan Jabatan Perdana Menteri dan kerana memahami keperluan latihan Pejabat Peguam Negara. Saya meminta pemahaman dan sokongan kuat mereka.

21. Latihan termasuklah menjemput pakar-pakar untuk menjalankan latihan dalaman, berkongsi dan berbincang secara berkala mengenai isu undang-undang yang mempunyai kepentingan bersama di kalangan pegawai-pegawai. Pegawai-pegawai daripada semua Bahagian di Pejabat Peguam Negara menjalani latihan dan ditempatkan di kaunterpart kita di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Pejabat guaman sivil dan jenayah yang terkenal di London dan Singapura. Pendedahan dan rangkaian hubungan yang dibuat ini telah terbukti memberi manfaat kepada pegawai-pegawai. Kita berharap untuk terus menghantar lebih banyak pegawai sebagai sebahagian daripada kemajuan kerjaya ke arah pengkhususan dan rancangan penggantian selaras dengan wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan rakyat negara ini berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Kita berharap kita akan terus mendapat kesefahaman dan sokongan untuk membolehkannya dilaksanakan. Saya melihat latihan sebagai pelaburan bagi negara ini kerana mereka adalah aset, sama ada mereka terus berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara atau berkerja dengan Kementerian lain, Badan Berkanun atau institusi swasta lain untuk kerjaya masa hadapan mereka.

22. Selaras dengan Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara untuk menghasilkan seorang pakar dalam beberapa subjek dan bidang amalan yang telah dikenal pasti saya dengan

gembiranya mengumumkan pada 2013 Pejabat Peguam Negara menyaksikan kepulangan 3 orang pegawai selepas menjalani *Masters of Law* dalam pelbagai bidang.

23. Tiga orang pegawai daripada Pejabat Peguam Negara sekarang ini sedang menjalani *Masters of Law* di United Kingdom dalam pelbagai bidang undang-undang dan diharapkan apabila mereka kembali nanti pada tahun ini mereka akan membentuk satu lagi kumpulan pakar dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia.

24. Pada bulan Jun 2013, Dk Didi-Nuraza binti Pg Latiff daripada Bahagian Keadilan Jenayah, telah berjaya menamatkan *National Association of Attorney's General (NAGTRI) International Fellows Programme on Cybercrime* selepas terpilih daripada lebih 200 peserta di seluruh dunia dari 70 negara yang mengambil bahagian dalam program tersebut. Tujuan *NAGTRI International Fellows Program* ini adalah untuk menyediakan forum bagi wakil elit kerajaan dari seluruh dunia untuk belajar antara satu sama lain, meneroka bersama isu-isu umum, dan mengadakan rangkaian hubungan antara kerajaan untuk faedah bersama bagi pejabat-pejabat mereka masing-masing.

25. Dari Januari hingga Disember 2013 Pejabat Peguam Negara telah menjadi tuan rumah penempatan kerja bagi lebih 40 orang

pelajar yang terdiri daripada mereka yang mengambil A-Levels serta siswa dan graduan universiti. Adalah diharapkan pendedahan kepada pelbagai kerja di Pejabat Peguam Negara akan memberi inspirasi kepada mereka untuk berkhidmat dalam profesion yang mulia ini. Pejabat Peguam Negara dengan bangganya mengatakan kebanyakan pelajar ini berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara untuk memulakan kerjaya undang-undang mereka selepas mereka menamatkan pengajian mereka.

Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya.

26. Pada tahun lalu menyaksikan pengenalan Garis Panduan Perundingan Kes Jenayah yakni *Criminal Case Negotiation Guidelines* (CNN) yang bertujuan untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes jenayah. Dari Januari hingga Disember 2013, terdapat 20 kes yang dikendalikan melalui CCN, 9 kes daripadanya mengakibatkan tawar-menawar pengakuan (mengaku bersalah kepada kesalahan kecil/bilangan pertuduhan yang kurang), 3 kes mengakibatkan persetujuan fakta dengan yang demikian menyempitkan isu-isu untuk perbicaraan, 8 kes tidak berjaya. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Hakim-Hakim kerana sokongan mereka dan kepada peguam pembela kerana kerjasama mereka dalam inisiatif ini ke arah penyelesaian kes-kes tepat pada waktunya. Saya berharap CNN dapat digunakan dengan lebih berkesan lagi pada tahun ini dengan

sokongan berterusan awda.

27. Bahagian Keadilan Jenayah telah mengadakan Kursus Latihan Pendakwaan Asas pada bulan Januari tahun ini. Pejabat Peguam Negara berhasrat hendak mengadakan kursus tersebut pada setiap tahun. Tujuan kursus tersebut adalah untuk melatih lebih banyak pegawai menjadi pendakwa bagi membolehkan mereka menjalankan pendakwaan kesalahan-kesalahan di dalam bidang kuasa mereka. Ini adalah amalan di negara-negara jiran kita. Pada masa ini Pendakwa-Pendakwa Polis membuat sebahagian besarnya kes-kes trafik, Pendakwa-Pendakwa Biro Kawalan Narkotik pula menjalankan pendakwaan kes-kes mudah yang tidak dibela iaitu memiliki dan memakan dadah, kastam menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan Kastam dan Eksais yang tidak dibela dan Pendakwa-Pendakwa Imigresen menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan imigresen dan passport yang mudah dan tidak dibela. Walau bagaimanapun, sebahagian besar kesalahan jenayah, masih ditangani oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya.

28. Untuk membolehkan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya memberi keutamaan dalam penyediaan kes-kes dan rayuan-rayuan yang lebih berat dan rumit, kita akan terus menggalakkan dan membantu Jabatan-Jabatan lain untuk menubuhkan unit pendakwaan mereka sendiri bagi menangani pendakwaan

kesalahan-kesalahan ringan di bawah bidang kuasa mereka bagi mempercepatkan pendakwaan kes-kes mereka seperti yang dilakukan dalam bidang kuasa lain.

29. Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya Pejabat Peguam Negara juga sangat aktif dalam mengadakan dialog dengan pelbagai agensi penguatkuasaan iaitu Polis, Kastam, Imigresen, Narkotik, Bandaran dan AiTi dalam usaha untuk menekankan kuasa-kuasa mereka untuk menyiasat di bawah bidang kuasa mereka yang berkaitan. Standard penyiasatan mereka setentunya akan memberi impak langsung ke atas kejayaan mana-mana pendakwaan. Kita dengan yang demikian menyokong kuat supaya mereka dapat menjalani latihan intensif dan pengetahuan serta pengalaman mereka dipertingkatkan dan disebarkan kepada Organisasi mereka masing-masing. Pejabat Peguam Negara sentiasa komited untuk membantu termasuk dalam merangka senarai semak dalaman dan garis panduan serta manual arahan pegawai, jika bersesuaian.

30. Bahagian Keadilan Jenayah juga sekarang ini sedang mengusahakan beberapa garis panduan bertulis iaitu Bantuan Undang-Undang Bersama, Manual Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah. Penerbitan ini bertujuan untuk memberi panduan mesra pengguna bukan sahaja kepada pendakwa-pendakwa tetapi juga agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam

memperjelas dan memperincikan prosedur di sebalik undang-undang ini yang tidak diragukan lagi akan memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam kerja tersebut.

Kes-kes selesai tepat pada masanya

31. Mengenai perkara penting dalam menyelesaikan kes-kes tepat pada masanya, kita mengambil perhatian berat pandangan Mahkamah Rayuan dalam kes baru-baru ini khususnya Maimun Haji Omar lwn PP, Rayuan Jenayah 1 tahun 2013.

32. Kita dengan yang demikian memuji inisiatif Yang Amat Arif mengenai Sistem Pengurusan Kes Kehakiman. Kita bersetuju sistem keadilan dapat berjalan dengan bantuan teknologi. Kita mengakui sepenuhnya ia adalah tanggungjawab bersama. Dengan inisiatif Yang Amat Arif yang patut dipuji ini, inisiatif Pejabat Peguam Negara sendiri, disokong oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang cekap, profesional dan bertanggungjawab dan Para Peguam, saya yakin kita boleh terus bekerja secara kolektif bagi meningkatkan pentadbiran keadilan di Brunei Darussalam, yang kita semua boleh banggakan.

Internet dan Media Sosial

33. Bermula September 2013 Bahagian Keadilan Jenayah memulakan projek perintis yang bertujuan khusus untuk mendidik belia dan untuk meningkatkan kesedaran mengenai

jenayah siber dan bahaya serta risiko media sosial. Dalam hubungan ini terdapat undang-undang seperti kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah, Akta Ketenteraman Awam, Akta Penyiaran dan juga di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan Akta Hasutan antara lainnya. Perintah-Perintah ini boleh diakses dari tapak web Pejabat Peguam Negara untuk rujukan.

34. Setakat ini projek tersebut telah mencapai lebih 600 pelajar dari 3 buah sekolah di Daerah Brunei-Muara dengan rancangan untuk meneruskan projek itu kepada institusi pendidikan di daerah-daerah lain dan mungkin, kepada orang ramai, pada tahun ini.

35. Dengan cara yang sama Bahagian Keadilan Jenayah terus meningkatkan kesedaran mengenai undang-undang, terutamanya undang-undang yang rumit dan mempunyai implikasi merentas negara, khususnya di kalangan pihak-pihak yang berkepentingan. Satu inisiatif terbaru adalah taklimat kepada Kedutaan-Kedutaan berhubung dengan rangka kerja undang-undang Negara Brunei Darussalam mengenai pemerdagangan dan penyeludupan manusia yang telah dibuat bersama dengan Jawatankuasa Ad Hoc Kebangsaan mengenai pemerdagangan manusia di mana Pejabat Peguam Negara adalah ahlinya. Kami sangat teruja dengan sambutan yang amat menggalakkan dan maklum balas positif.

Penutup

Sebagai penutup, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan dengan tulus ikhlas terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan kerana komitmen mereka yang berterusan, sokongan, integriti, ketabahan dan kesepakatan mereka untuk memenuhi jangkaan perkhidmatan undang-undang yang semakin bertambah yang diamanahkan kepada kita. Saya mengalu-alukan mereka yang baru sahaja berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara. Saya kagum dengan kecenderungan mereka untuk belajar. Kebanyakan mereka mempunyai potensi yang besar untuk memimpin Pejabat Peguam Negara pada masa hadapan, InsyaAllah. Saya berharap, mereka akan terus kekal berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara. Kepada mereka yang telah meninggalkan Pejabat Peguam Negara untuk memulakan sesuatu yang baru, kita mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka kepada Pejabat Peguam Negara dan semoga mereka beroleh kejayaan. Kepada mereka yang telah bersara, kita merakamkan ucapan terima kasih dan mengucapkan selamat bersara. Kita juga menghargai hubungan dan kerjasama baik daripada pelbagai agensi penguatkuasaan, Kementerian dan Jabatan dan berharap kerjasama sedemikian akan dapat dipertingkatkan lagi.

Akhir kalam, saya dan semua pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara, mengucapkan kepada Yang Amat Arif, para peguam dan semua yang hadir selamat tahun baru 2014 dan semoga maju jaya.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.